

**INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)**www.gaexcellence.com/ijmoe**ANALISIS KESALAHAN FONETIK BAHASA ARAB
MELALUI KOMUNIKASI INTERAKTIF: SATU TINJAUAN
KONSEPTUAL***ANALYSIS OF PHONETIC ERRORS IN ARABIC THROUGH INTERACTIVE
COMMUNICATION: A CONCEPTUAL REVIEW*Sharifah Nurulhuda Syed Hassan^{1*}, Harun Baharuddin², Muhd Bazli Hashim³¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia s.nurulhudahassan@gmail.com <https://orcid.org/0009-0005-1605-7487>² Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia harunbaharudin@ukm.edu.my <https://orcid.org/0000-0002-6729-0044>³ Universiti Poly-Tech Malaysia bazli@uptm.edu.my <https://orcid.org/0009-0002-2465-5362>

*Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 16.07.2026

Revised date: 30.07.2026

Accepted date: 12.08.2026

Published date: 21.09.2026

To cite this document:

Hasan, S. N. S., Baharuddin, H., & Hashim, M. B. (2026). Analisis Kesalahan Fonetik Bahasa Arab Melalui Komunikasi Interaktif: Satu Tinjauan Konseptual. *International Journal of Modern Education*, 8(31), 874-887.

Abstrak:

Ketepatan fonetik merupakan elemen kritikal dalam menentukan keberkesanan komunikasi lisan bahasa Arab serta kualiti bacaan dalam konteks Pendidikan Islam. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti jenis dan kekerapan kesalahan fonetik yang berlaku dalam komunikasi interaktif dalam kalangan pelajar Tingkatan 4 Kelas Aliran Agama (KAA) di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif deskriptif untuk menentukan pola kesalahan serta menyusun hierarki topik kesalahan fonetik pelajar. Instrumen kajian terdiri daripada rakaman audio dialog dua yang dibangunkan sendiri oleh penyelidik bagi mencerminkan penggunaan bahasa yang autentik. Penilaian dibuat secara analitik merangkumi aspek segmental (vokal, *makhraj huruf*, *ghunnah*, *tasydid* dan *sukun*) serta aspek suprasegmental (intonasi, nada, *waqf* dan *taul*). Rubrik penilaian telah diadaptasi daripada kerangka kajian Mahmoud S. Al-Mahmoud (2022) dan Norah Alroushdi (2025) bagi menjamin ketepatan pengesanan ralat sebutan. Hasil kajian ini dijangka dapat memberikan gambaran objektif mengenai kelemahan fonetik pelajar, seterusnya menyumbang kepada pembangunan strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang lebih efektif bagi guru-guru bahasa Arab dalam sistem pendidikan di Malaysia.

Analisis Kesalahan, Fonetik Arab, Kelas Aliran Agama (KAA), Komunikasi Interaktif, Kuantitatif Deskriptif

Abstract:

Phonetic accuracy is a critical element in determining the effectiveness of oral Arabic communication as well as the quality of recitation in the context of Islamic Education. This study aims to identify the types and frequency of phonetic errors occurring in interactive communication among Form 4 students of the Religious Secondary Stream (*Kelas Aliran Agama*, KAA) in Malaysia. The study employs a descriptive quantitative approach to determine error patterns and to develop a hierarchy of topics for students' phonetic errors. The research instrument consists of audio recordings of two-way dialogues developed by the researcher to reflect authentic language use. Assessment is conducted analytically, covering segmental aspects (vowels, *makhraj huruf*, *ghunnah*, *tasydid*, and *sukun*) as well as suprasegmental aspects (intonation, tone, *waqf*, and *taul*). The assessment rubric has been adapted from the frameworks of Mahmoud S. Al-Mahmoud (2022) and Norah Alroushdi (2025) to ensure accurate identification of pronunciation errors. The findings of this study are expected to provide an objective overview of students' phonetic weaknesses, thereby contributing to the development of more effective teaching and learning strategies for Arabic language teachers within the education system in Malaysia.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijmoe@gaexcellence.com

Keywords:

Arabic Phonetics, Descriptive Quantitative, Error Analysis, Interactive Communication, Religious Secondary Stream

Pengenalan**Latar Belakang Kajian**

Secara global, penguasaan fonetik kini diiktiraf sebagai antara elemen yang kritikal dalam keberkesanan komunikasi bahasa kedua (B2). Kegagalan mencapai ketepatan sebutan bukan sahaja menjejaskan kelancaran, malah menjadi punca utama berlakunya kegagalan komunikasi (*communicative breakdown*) yang serius (Tawfik, 2024). Model konseptual terkini menekankan bahawa sebutan dalam konteks komunikasi spontan adalah jauh lebih mencabar berbanding pembacaan teks terkawal kerana ia melibatkan beban kognitif yang tinggi bagi memproses makna dan bunyi secara serentak (Lin et al 2023). Fenomena interferensi bahasa ibunda (B1) merupakan cabaran sejagat di mana sistem fonologi asal penutur sering "menceroboh" dan mengubah kualiti bunyi bahasa sasaran (Suib & Baharudin, 2025).

Di Malaysia, cabaran ini menjadi lebih nyata disebabkan oleh perbezaan tipologi yang ketara antara sistem fonologi bahasa Melayu dan bahasa Arab. Kajian oleh Huddin et al. (2026) menunjukkan bahawa sebahagian besar fonem Arab, terutamanya huruf-huruf *Halq* (ح, ع, kh)

dan konsonan emfatik (ص, ض, ط, ظ), tidak wujud dalam inventori bunyi bahasa Melayu. Keadaan ini mengakibatkan kadar kesalahan bagi fonem *Halq* dilaporkan mencecah sehingga 61.9 peratus. Menerusi dapatan Nurchayati dan Holilulloh (2026), pelajar didapati cenderung menggantikan bunyi sukar seperti ح dan ع secara sistematik kepada bunyi terdekat dalam bahasa ibunda iaitu ه dan ا. Seperti yang ditegaskan oleh Subhi dan Mursidin (2026), sekiranya kesalahan fonetik ini terus dibiarkan tanpa intervensi, ia bukan sahaja menjejaskan kejelasan komunikasi malah berpotensi besar mencetuskan kekeliruan makna secara total.

Selaras dengan aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia menerusi Kurikulum Standard Sekolah Menengah, pengajaran bahasa Arab bertujuan melahirkan murid yang mampu berkomunikasi dengan sebutan dan intonasi yang betul. Walau bagaimanapun, terdapat jurang yang besar antara matlamat kurikulum dengan realiti di bilik darjah, di mana fokus pengajaran lebih banyak tertumpu kepada kemahiran membaca teks secara pasif (Suib & Baharudin, 2025). Akibatnya, pelajar sering kali gagal mengekalkan ketepatan sebutan apabila beralih kepada komunikasi interaktif yang bersifat spontan (Lin et al., 2023). Justeru, kajian ini difokuskan untuk menilai profil kesalahan fonetik dalam situasi interaksi dua hala bagi memastikan matlamat KPM untuk melahirkan penutur bahasa Arab yang kompeten dapat dicapai (Suib & Baharudin, 2025).

Pernyataan Masalah

Isu jurang ketepatan artikulasi kekal menjadi cabaran besar dalam komunikasi bahasa Arab, walaupun kurikulum kebangsaan telah memberikan penekanan yang serius terhadap keupayaan lisan yang efektif. Seperti yang dibincangkan oleh Haron et al. (2025) serta Rahman et al. (2025), kekangan ini sebahagian besarnya berpunca daripada kelemahan strategi pedagogi yang terlalu berorientasikan hafalan. Sekiranya kesalahan sebutan ini tidak ditangani sejak awal, ia berisiko menjadi *phonological fossilization* yang sukar diubah di peringkat pengajian tinggi (Malek et al., 2026). Di Malaysia, perbezaan inventori fonologi antara bahasa Melayu dan bahasa Arab terutamanya melibatkan bunyi emfatik dan posterior menyebabkan pelajar kerap gagal membezakan ciri akustik kritikal seperti *Voice Onset Time* dan tempoh frikasi. Dapatan ini disokong oleh Huddin et al. (2026) yang menegaskan bahawa bunyi uvular dan konsonan tekak yang tiada padanan dalam bahasa Melayu kekal sebagai aspek yang paling bermasalah untuk dikuasai.

Masalah ini menjadi semakin rumit apabila kekangan waktu instruksional menyebabkan guru kurang memberikan tumpuan terhadap aspek prosodi dan kualiti bunyi, lalu membelenggu kualiti *maharah kalam* pelajar (Din et al., 2026). Dalam konteks interaksi spontan, Fukuta (2025) menjelaskan bahawa pelajar terpaksa menghadapi beban kognitif yang ekstrem kerana perlu menguruskan ketepatan tatabahasa, pemilihan leksikal, dan kawalan motor artikulasi secara serentak. Beban kognitif yang tinggi dalam situasi dua hala yang dinamik ini terbukti meningkatkan kekerapan kesalahan fonetik dan interferens dialek tempatan berbanding tugas lisan yang terancang (Kermad, 2025). Sehubungan itu, satu analisis kesalahan fonetik dalam persekitaran interaktif amat diperlukan bagi mengenal pasti punca kegagalan komunikasi, sekali gus membantu pembentukan modul intervensi yang berkesan.

Objektif dan Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif berikut:

1. Mengenal pasti jenis kesalahan fonetik (penggantian, pengguguran, dan sisipan) yang paling dominan dilakukan oleh pelajar semasa komunikasi interaktif
2. Membentuk hierarki kesukaran fonem berdasarkan kekerapan kesalahan dan impaknya terhadap kejelasan komunikasi bagi tujuan panduan pedagogi


Persoalan Kajian:

1. Apakah jenis kesalahan fonetik yang paling kerap dilakukan oleh pelajar Tingkatan 4 KAA dalam situasi komunikasi spontan?
2. Bagaimanakah susunan hierarki kesukaran fonem Arab bagi pelajar penutur bukan asli berdasarkan data interaksi tersebut?

Sorotan Literatur Dan Kerangka Teori

Bahagian ini menyatukan landasan teoretikal dan tinjauan kajian lepas bagi menghuraikan fenomena kesalahan fonetik dalam komunikasi lisan. Melalui lensa Teori Analisis Kesalahan, Tawfik (2024) menjelaskan bahawa kesalahan sebutan tidak lagi dilihat sebagai kegagalan, sebaliknya sebagai proses interbahasa yang membantu guru mendiagnosis tahap penguasaan pelajar secara saintifik.

Berdasarkan perspektif tersebut, sorotan oleh Suib dan Baharudin (2025) turut memberikan tumpuan kepada dinamika komunikasi interaktif yang melibatkan beban kognitif tinggi, sekali gus membina hujah yang kukuh bagi keperluan analisis fonetik yang lebih mendalam dalam konteks pertuturan spontan. Langkah integrasi teori dan literatur ini dinilai penting oleh Fadia et al. (2024) dalam usaha merapatkan jurang antara pengetahuan fonologi dengan realiti praktikal komunikasi pelajar di dalam bilik darjah.



Rajah 1 : Kerangka Konseptual Kajian

Landasan Teori Utama

Penyelidikan ini disandarkan kepada tiga kerangka teori utama bertujuan menyediakan analisis holistik terhadap kesalahan fonetik dalam komunikasi lisan. Melalui gabungan Teori Analisis Kesalahan, Teori Interferens, dan Ilmu Ashwat, punca kesalahan dapat dikenal pasti secara saintifik. Pendekatan integrasi ini selari dengan pandangan Mabruroh dan Hikmah (2024) yang melihat punca tersebut sama ada berpunca daripada pengaruh bahasa ibunda mahupun batasan dalam penguasaan titik artikulasi (makhras). Oleh itu, kerangka yang dibina ini tidak menganggap kesalahan sebagai kegagalan bahasa semata-mata, sebaliknya seperti yang dibincangkan oleh Mora dan Mora-Plaza (2023), ia difahami sebagai manifestasi sistem interbahasa (*interlanguage*) yang dinamik semasa pelajar berusaha mengimbangi beban kognitif yang tinggi dalam situasi interaktif.

- ***Teori Analisis Kesalahan***

Bertindak sebagai instrumen diagnostik utama untuk menilai ralat fonologi sebagai "tingkap" kepada tahap perkembangan kognitif pelajar (Mabruroh & Hikmah, 2024). Proses ini melibatkan pengecaman, penjelasan, dan klasifikasi ralat secara sistematik bagi memahami pola kesilapan yang dilakukan oleh penutur bukan asli semasa berinteraksi secara spontan (Chanethom & Henderson, 2023).

- ***Teori Interferens Bahasa Pertama (B1)***

Menjelaskan fenomena "pencerobohan" sistem fonologi bahasa Melayu ke dalam penghasilan bunyi bahasa Arab (Solehudin & Arisandi, 2024). Hal ini berlaku secara dominan apabila pelajar berdepan dengan fonem yang mempunyai titik artikulasi yang asing, di mana pengaruh dialek tempatan sering mengganggu ketepatan penghasilan bunyi sasaran (Muid et al., 2023).

Teori Ilmu

- ***Ashwat (علم الأصوات)***

Memberikan asas saintifik mengenai *makharij al-huruf* dan sifat-sifat huruf secara teknikal. Teori ini menjadi rujukan utama dalam memodelkan ciri-ciri akustik bunyi plosif dan frikatif serta mengukur ketepatan persepsi bunyi bagi memastikan artikulasi pelajar menepati piawaian

Mekanisme Kognitif dan Model Persepsi

Pemerolehan fonetik difahami sebagai suatu proses kognitif yang sangat bergantung kepada cara pelajar mempersepsikan bunyi bahasa sasaran berbanding sistem bunyi bahasa ibunda. Melalui aplikasi *Speech Learning Model* dan *Perceptual Assimilation Model*, Alshangiti et al. (2023) menjelaskan bahawa pelajar cenderung mengalami kesukaran apabila mereka gagal membezakan ciri akustik fonem Arab dengan kategori bunyi Melayu yang sedia ada. Berdasarkan analisis terhadap kekangan tersebut, fenomena kegagalan persepsi awal ini dinilai akan mengakibatkan kesalahan sebutan yang konsisten, terutamanya dalam konteks komunikasi interaktif yang menuntut tindak balas pantas seperti yang dibuktikan oleh Tawfik (2024).

- ***Model Pembelajaran Pertuturan***

Menekankan bahawa pembentukan kategori fonetik baharu bergantung kepada keupayaan pelajar mengesan jurang perbezaan antara bunyi bahasa sasaran dengan bahasa ibunda (Lin et al., 2023). Model ini, yang dibangunkan oleh James Flege dan dikemas kini kepada SLM-r, mencadangkan bahawa keupayaan untuk mempelajari bunyi bahasa baharu kekal sepanjang hayat melalui mekanisma statistical learning (Lin, Li, MacLeod, & Pollock, 2023).

Model ini menekankan konsep ketidaksamaan fonetik (*phonetic dissimilarity*). Pelajar cenderung mengalami "klasifikasi kesetaraan" (equivalence classification) di mana fonem B2 yang "hampir serupa" dengan B1 (seperti /t/ dalam bahasa Arab dan /t/ dalam bahasa Melayu) adalah lebih sukar dikuasai secara jitu berbanding bunyi yang "benar-benar asing". Bagi pelajar Malaysia, fonem yang mempunyai perbezaan akustik halus dari segi Voice Onset Time sering dianggap sama dengan kategori B1, menyebabkan ralat sebutan yang sukar dikesan oleh pelajar itu sendiri (Adem, 2025)

- ***Model Asimilasi Persepsi***

Meramalkan kesukaran berlaku apabila pelajar mengasimilasikan dua bunyi Arab yang berbeza (contohnya /s/ dan /s/) ke dalam satu kategori bunyi Bahasa Melayu yang sama (Tawfik, 2024). Model yang diperkenalkan oleh Catherine Best dan dikembangkan kepada PAM-L2 ini memfokuskan kepada bagaimana pelajar mengasimilasikan bunyi asing ke dalam kategori gestur artikulasi bahasa ibunda mereka (Kwon & Starr, 2023).

Dari segi konteks Bahasa Arab-Melayu, kajian terbaharu menunjukkan bahawa bunyi emfatik dan uvular dalam bahasa Arab sering mengalami asimilasi sistematik kepada bunyi yang paling hampir secara fonetik dalam bahasa Melayu, yang mengukuhkan ralat sebutan dalam komunikasi interaktif (Huddin, Hamid, Shukor, & Roslan, 2026).

Spektrum Fonetik dan Dinamika Komunikasi

Keberkesanan komunikasi lisan dalam bahasa Arab sangat bergantung kepada kualiti spektrum fonetik yang dihasilkan oleh penutur secara konsisten. Dinamika komunikasi ini menuntut pelajar untuk bukan sekadar menghafal bunyi secara terasing, tetapi mengaplikasikannya secara fleksibel mengikut konteks interaksi yang sebenar. Keselarasan antara ketepatan sebutan dan kelancaran pertuturan menjadi kunci utama bagi memastikan mesej yang disampaikan dapat difahami oleh pendengar tanpa kekeliruan.

- ***Aspek Segmental dan Suprasegmental***

Penguasaan 28 konsonan Arab atau aspek segmental merupakan asas utama bagi mengelakkan kekeliruan makna pada peringkat kata yang boleh menjejaskan kefahaman. Selain ketepatan bunyi huruf, aspek prosodi seperti intonasi, jeda, dan tekanan suara atau suprasegmental juga memainkan peranan yang kritikal dalam menentukan ketepatan maksud semantik dalam struktur ayat yang lebih luas (Suib & Baharudin, 2025). Penguasaan strategi prosodi yang efektif ini sangat membantu pelajar dalam menyampaikan emosi dan penekanan maklumat dengan lebih jitu semasa berkomunikasi secara lisan (Suib & Baharudin, 2025).

- ***Beban Kognitif dalam Interaksi***

Situasi komunikasi spontan memerlukan pelajar berfungsi sebagai pengekod dan penyahkod maklumat secara serentak dalam tempoh masa yang sangat singkat. Proses "penjajaran interaktif" ini memberikan tekanan yang tinggi kepada memori kerja kerana pelajar perlu mengimbangi antara pemilihan kosa kata, binaan nahu, dan ketepatan sebutan (Lin et al., 2023). Akibatnya, beban kognitif yang tinggi dalam komunikasi dua hala ini sering menjadi punca utama yang meningkatkan kekerapan ralat fonetik berbanding ketika pelajar membaca teks secara statik (Lin et al., 2023).

Tipologi dan Hierarki Kesalahan

Berdasarkan kajian terdahulu, kesalahan fonetik dalam komunikasi lisan dikelaskan kepada tiga jenis utama: penggantian, pengguguran, dan penyisipan (Al-Rami & Zrekat, 2023). Melalui perbandingan kontrastif, satu hierarki kesukaran dibentuk untuk memetakan fonem daripada peringkat mudah kepada sukar. Hierarki ini berfungsi sebagai panduan pedagogi bagi menentukan keutamaan latihan artikulasi dalam sesi intervensi guru (Muslimin et al., 2021).

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif deskriptif yang berteraskan prosedur:

Analisis Kesalahan. Pendekatan ini dipilih bagi mengenal pasti, mengklasifikasi, dan memerihalkan fenomena kesalahan fonetik secara sistematik dalam konteks komunikasi interaktif (Subhi & Mursidin, 2026). Analisis akan difokuskan kepada ralat sebutan pada tahap fonem, terutamanya fonem yang tidak wujud dalam sistem fonologi Bahasa Melayu seperti fonem *Halq* dan emfatik. Selain itu, hasil dapatan kajian ini akan disintesis bagi membentuk satu hierarki kesukaran kesalahan fonetik yang berfungsi sebagai garis panduan implikasi pedagogi. Hierarki ini dirancang bagi membantu para pendidik menyusun strategi intervensi dan latihan artikulasi mengikut tahap kesukaran yang dialami pelajar, sekali gus menyediakan asas empirikal bagi penambahbaikan kurikulum bahasa Arab sedia ada (Subhi & Mursidin, 2026).

- ***Persampelan***

Peserta kajian terdiri daripada pelajar Tingkatan 4 Kelas Aliran Agama (KAA) di sekolah menengah. Teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*) digunakan untuk memilih peserta yang aktif dalam komunikasi lisan bagi memaksimumkan kekayaan data fonologikal (Ahmad & Wilkins, 2024).

- ***Instrumen Kajian***

Bagi menjamin kualiti dan kesahan data dalam konteks komunikasi interaktif, pemilihan instrumen kajian dilakukan secara teliti agar selari dengan keperluan analisis fonetik yang bersifat saintifik (Ali et al., 2023). Kesemua instrumen yang dibina sendiri atau diadaptasi akan melalui proses pengesahan oleh dua orang pakar dalam bidang pendidikan bahasa Arab dan fonetik bagi memastikan ketepatan item yang dinilai. Instrumen utama kajian adalah seperti berikut:

- ***Perakam Suara Digital***

Data komunikasi spontan direkodkan menggunakan perakam digital Sony ICD-PX470. Peranti ini dipilih bagi memastikan rakaman audio berada dalam kualiti tinggi yang membolehkan analisis akustik dan spektrografi dilakukan secara terperinci (Fadia et al., 2024). Kejelasan audio adalah kritikal bagi mengesan ralat pada titik artikulasi (*makhraj*) yang halus, terutamanya bagi fonem-fonem Arab yang mencabar bagi penutur bukan asli.

- ***Rubrik Penilaian Kesalahan Fonetik***

Instrumen ini diadaptasi daripada kerangka Mahmoud dan klasifikasi Alrashoudi et al., merangkumi kategori ralat seperti penggantian (*substitution*), pengguguran (*omission*), dan sisipan (*insertion*) (Mahmoud, 2020; Alrashoudi et al, 2025). Rubrik yang dibentuk ini akan disahkan oleh dua orang pakar bagi memastikan kriteria penilaian adalah relevan dengan tahap penguasaan pelajar Tingkatan 4 dan menepati piawaian analisis kesalahan linguistik (Al-Rami & Zrekat, 2023).

- ***Skrip Transkripsi Kendiri***

Pengkaji membina skrip transkripsi khusus yang diselaraskan secara langsung dengan kriteria dalam rubrik penilaian. Skrip ini berfungsi untuk memetakan ralat sebutan yang ditemui semasa sesi interaksi kepada pola kesalahan fonetik yang spesifik. Pengesahan pakar ke atas skrip ini menjamin bahawa teks yang digunakan mampu mencetuskan penggunaan fonem sasaran dalam situasi komunikasi yang dinamik dan spontan (Lin et al., 2023).

- ***Borang Pemerhatian***

Instrumen ini digunakan untuk merekod data kontekstual seperti tahap keyakinan dan kelancaran pelajar. Data ini penting bagi menyokong analisis fonetik kerana faktor emosi dan situasi interaktif sering mempengaruhi kualiti sebutan serta elemen prosodi (intonasi dan tekanan suara) pelajar (Suib & Baharudin, 2025).

Prosedur Analisis Data

Data audio yang diperoleh daripada rakaman Sony ICD-PX470 akan diproses secara teliti bagi memastikan ralat fonetik diterjemahkan ke dalam bentuk data yang boleh diukur dan diinterpretasikan. Proses penganalisisan ini dilakukan secara sistematik melalui dua fasa utama bagi memberikan gambaran menyeluruh tentang profil ralat pelajar:

- ***Fasa 1: Analisis Kekerapan dan Klasifikasi***

Setiap ralat yang dikesan akan dikategorikan kepada jenis penggantian, pengguguran, atau penambahan fonem bagi mengenal pasti pola ralat yang paling dominan. Analisis ini bertujuan membezakan antara kesilapan rawak dengan kesalahan sistematik yang berpunca daripada kelemahan kecekapan linguistik atau interferensi bahasa ibunda pelajar (Subhi & Mursidin, 2026).

- ***Fasa 2: Penyusunan Hierarki Kesukaran***

Ralat yang dikenal pasti akan disusun ke dalam hierarki tahap kesukaran (mudah, sederhana, sukar) berdasarkan kekerapan dan impaknya terhadap kejelasan komunikasi (*intelligibility*) (Lin et al., 2023). Hierarki ini berfungsi sebagai panduan pedagogi untuk menentukan keutamaan intervensi bagi fonem yang paling kritikal untuk dikuasai pelajar (Muslimin et al., 2021).

Kesahan dan Kebolehpercayaan

Bagi memastikan kualiti dapatan, kajian ini melaksanakan kaedah *inter-rater reliability* di mana transkripsi fonetik dan pengekodan ralat disemak secara berganda oleh pakar bagi meminimumkan kebolehubahan intrakata (*intra word variability*) serta mencapai konsensus yang tinggi dalam interpretasi bunyi (Clausen et al., 2022). Selain itu, penggunaan Abjad Fonetik Antarabangsa dipatuhi secara ketat dalam proses transkripsi bagi menjamin ketekalan analisis segmental dan suprasegmental, sekali gus membolehkan pemodelan ciri-ciri akustik dilakukan secara jitu bagi setiap fonem yang dikaji (Chanethom & Henderson, 2023).

Kepentingan Dan Batasan Kajian

Kepentingan Kajian

Secara keseluruhannya, kajian ini memberikan sumbangan yang signifikan terhadap pedagogi bahasa Arab dengan membekalkan data empirikal mengenai kesalahan fonetik yang paling kritikal dalam kalangan pelajar Malaysia menerusi pemodelan ciri akustik yang tepat. Usaha ini selari dengan penegasan Radzi et al. (2022) mengenai kepentingan ketepatan akustik dalam analisis bahasa. Melalui pembentangan dapatan kajian ini, guru kini berupaya merangka intervensi yang lebih sasar bagi mengelakkan berlakunya fosilisasi, iaitu keadaan di mana kesalahan sebutan menjadi tabiat kekal yang amat sukar diperbaiki. Fenomena tabiat kekal ini dipersetujui oleh Mabruroh dan Hikmah (2024) sebagai kesan daripada kegagalan merawat masalah artikulasi secara sistematik pada peringkat awal. Selain itu, selaras dengan saranan Ardianingtyas dan Nurrohman (2023), kajian ini secara tidak langsung membantu meningkatkan kesedaran guru tentang kepentingan mengintegrasikan elemen prosodi dan ketepatan bunyi dalam aktiviti komunikasi lisan bagi mencapai matlamat kurikulum yang lebih holistik serta berdaya saing.

Batasan Kajian

Skop kajian ini dihadkan secara khusus kepada analisis aspek fonologi (segmental dan suprasegmental) yang dilaksanakan melalui pembacaan skrip atau dialog yang disediakan, dan bukannya melalui interaksi spontan yang tidak terancang. Menurut kaedah yang disarankan oleh Radzi et al. (2022), penggunaan skrip ini dinilai penting bagi memastikan konsistensi data demi tujuan analisis spektrografik dan pemodelan akustik yang lebih tepat. Dari sudut demografi pula, kajian ini menghadkan tumpuan kepada pelajar Tingkatan 4 di sekolah menengah yang mempunyai Kelas Aliran Agama di Selangor. Oleh itu, dapatan kajian ini membekalkan refleksi profil kesalahan sebutan bagi kelompok pelajar tersebut dalam persekitaran instruksional yang berpandukan teks. Keadaan ini selari dengan pemerhatian Solehudin dan Arisandi (2024) yang mendapati bahawa pengaruh interferens dialek tempatan

masih boleh dikesan secara ketara dalam penghasilan bunyi sasaran walaupun dalam tugas lisan yang terancang.

Definisi Operasi Dan Kesimpulan

Definisi Operasi

Analisis Ralat Fonetik: Proses sistematik untuk mengenal pasti, mengklasifikasi, dan menjelaskan ketidaktepatan bunyi artikulasi pelajar berdasarkan perbandingan antara sebutan sasaran dengan profil akustik penutur asli (Mabruroh & Hikmah, 2024).

Komunikasi Interaktif: Situasi interaksi dua hala yang dilaksanakan secara terkawal menggunakan skrip dialog bagi mengurangkan beban kognitif pelajar, sekali gus membolehkan tumpuan diberikan sepenuhnya kepada ketepatan artikulasi segmental dan prosodi .

Pelajar Kelas Aliran Agama : Pelajar sekolah menengah yang mengikuti Kelas Aliran Agama di Selangor yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda dan sedang dalam proses membina sistem interbahasa dalam bahasa Arab .

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kertas konsep ini menekankan keperluan mendesak untuk menilai semula tahap penguasaan fonetik pelajar dalam situasi komunikasi sebenar. Jurang antara teori fonologi dengan amalan pertuturan perlu dirapatkan bagi memastikan pelajar bukan sahaja mampu menghafal kosa kata, malah berupaya menyampaikannya dengan sebutan yang tepat dan berkesan. Melalui analisis ralat yang sistematik, diharapkan kualiti pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia dapat diperkukuh selaras dengan aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia.

Penghargaan:	Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Prof Madya Dr Harun bin Baharuddin atas tunjuk ajar dan sokongan yang diberikan sepanjang penulisan artikel ini dijalankan..
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan.
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Modern Education (IJMOE)
Pernyataan Etika:	Kajian ini tidak melibatkan sebarang responden manusia, haiwan, atau data sensitif yang memerlukan kelulusan etika. Penulis mengesahkan bahawa penyelidikan ini telah dijalankan selaras dengan prinsip integriti akademik dan piawaian etika penerbitan yang diterima umum.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan artikel ini. Sharifah Nurulhuda binti Syed Hassan bertanggungjawab terhadap pengkonsepan kajian, penyediaan draf awal, serta pengendalian pengumpulan data bagi fasa kajian rintisan. Harun bin Baharuddin bertindak sebagai penyelia keseluruhan kajian, memberikan bimbingan kritikal terhadap pembangunan metodologi, serta menyemak draf manuskrip secara substantif. Muhd Bazli bin Hashim menyumbang kepada pembinaan rubrik penilaian, penyelarasan teknikal artikel, dan semakan kritikal teks. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan.

Rujukan

- Adem, H. (2025). Acoustic analysis of pharyngealization and vowel duration in L2 Arabic by German learners. *Social Sciences & Humanities Open*, 12, 101676–101676. <https://doi.org/10.1016/j.ssaho.2025.101676>
- Ahmad, M., & Wilkins, S. (2024). Purposive sampling in qualitative research: a framework for the entire journey. *Quality & Quantity*, 59(2), 1461–1479. <https://doi.org/10.1007/s11135-024-02022-5>
- Ali, M., Sanusi, A., Maulani, H., Saleh, N., Khalid, S. M., Supriadi, R., & Farisi, M. Z. A. (2023). Investigating the Arabic /f/ Pronunciation: A Comparative Analysis of Acoustic Phonetics. *Al-Ta Rib Jurnal Ilmiah Program Studi Pendidikan Bahasa Arab IAIN Palangka Raya*, 11(2), 181–196. <https://doi.org/10.23971/altarib.v11i2.7234>
- Al-Rami, B. A., & Zrekat, Y. H. (2023). A framework for pronunciation error detection and correction for non-native Arab speakers of English language. <https://doi.org/10.5267/j.ijdns.2023.5.004>
- Alrashoudi, N., Al-Khalifa, H. S., & Alotaibi, Y. A. (2025). Improving mispronunciation detection and diagnosis for non- native learners of the Arabic language. *Deleted Journal*, 28(1). <https://doi.org/10.1007/s10791-024-09489-8>
- Alshangiti, W., Evans, B. G., & Wibrow, M. (2023). Investigating the Effects of Speaker Variability on Arabic children's Acquisition of English Vowels. *SSRN Electronic Journal*. <https://doi.org/10.2139/ssrn.4431204>
- Alwabari, S. (2013). Non-Native Production of Arabic Pharyngeal and Pharyngealized Consonants. <https://doi.org/10.22215/etd/2013-10079>
- Ardianingtyas, N. T., & Nurrohman, T. (2023). Phonology and Maharah Kalam in Scopus Publications: Content Analysis and Development Trends. *Khizanah Al-Hikmah Jurnal Ilmu Perpustakaan Informasi Dan Kearsipan*, 11(2), 291–299. <https://doi.org/10.24252/kah.v11i2a13>
- Chanethom, V., & Henderson, A. (2023). Alignment in ASR and L1 Listeners' Recognition of L2 Learner Speech: French EFL Learners & Dictation. *Io. Research in Language*, 21(3), 245–266. <https://doi.org/10.18778/1731-7533.21.3.03>
- Clausen, M. C., JORGENSEN, P. E. V., Bøgh, M. S., & Fox-Boyer, A. (2022). Intraword variability in 2-year-old typically developing Danish-speaking children. *Research Portal Denmark*. <https://local.forskningsportal.dk/local/dki-cgi/ws/cris-link?src=sdu&id=sdu-66e37364-da43-40c4-a318-984b3efac981&ti=Intraword%20variability%20in%202-year-old%20typically%20developing%20Danish-speaking%20children>
- Din, A. G. B. M., Din, O. bin M., Awae, F., Jima'ain, M. T. A., abuHassna, H., & Taher, R. (2023). Arabic Language and Communication: Bibliometric Analysis. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(1).
- Din, N. M. B. N., Embong, R. B., Talib, M. T. B., Mustaffa, Z. B., Rahman, N. E. B. A., Sulaiman, R. H. B. R., Din, N. M. B. N., & AHMAD, S. S. B. H. (2026). Teaching Problems of Arabic Prosody (Arudh). *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 9(30), 590–595. <https://doi.org/10.47772/ijriss.2025.930000077>
- Fadia, F., Farisi, M. Z. A., & Maulani, H. (2024). Identifying Pronunciation Errors of the Phoneme Qaf in Al-Qur'an Reading by Non-Native Speakers: A Spectrographic Analysis. <https://doi.org/10.24036/jbs.v12i2.129951>
- Fukuta, J. (2025). Effects of Cognitive Demands on Attention Orientation in L2 Oral Production. <https://doi.org/10.31234/osf.io/tz3d9>

- Haron, S. B. C., Abdullah, N., Haron, S. C., & Mokhtar, M. I. M. (2025). The Issue Of Arabic Speaking Skills Among Malay Learners: What Is Missing? *Ijaz Arabi Journal of Arabic Learning*, 8(1). <https://doi.org/10.18860/ijazarabi.v8i1.26521>
- Huddin, M. R. A., Hamid, S. A., Shukor, M. S., & Roslan, S. (2026). A Phonological Model of Arabic Speech Acquisition in Malay Children. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 26(1), 101–118. <https://doi.org/10.17576/gema-2026-2601-06>
- Kermad, A. (2025). Validity of Task Choice on Global and Specific Pronunciation. *Research Methods in Applied Linguistics*, 4(3), 100277–100277. <https://doi.org/10.1016/j.rmal.2025.100277>
- Kwon, J., & Starr, G. (2023). How L1-Chinese L2-English learners perceive English front vowels: A phonological account. *Glossa a Journal of General Linguistics*, 8(1). <https://doi.org/10.16995/glossa.9282>
- Lin, Y., Li, F., MacLeod, A. A. N., & Pollock, K. (2023). A conceptual model of second language pronunciation in communicative contexts: Implications for children's bilingual education [Review of A conceptual model of second language pronunciation in communicative contexts: Implications for children's bilingual education]. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2023.1125157>
- Mabrurroh, N., & Hikmah, K. (2024). Analisis Kesalahan Fonologi Dalam Keterampilan Berbicara Bahasa Arab Di Pondok Pesantren Putri Daarul Fikri Malang. *Jurnal Dedikasi Pendidikan*, 8(2). <https://doi.org/10.30601/dedikasi.v8i2.4956>
- Mahmoud, M. S. A. (2020). Native vs. Nonnative Raters in Second Language Pronunciation Assessment of Guttural Sounds. *Open Journal of Modern Linguistics*, 10(5), 468–479. <https://doi.org/10.4236/ojml.2020.105028>
- Mora, J. C., & Mora-Plaza, I. (2023). From Research in the Lab to Pedagogical Practices in the EFL Classroom: The Case of Task-Based Pronunciation Teaching. *Education Sciences*, 13(10), 1042–1042. <https://doi.org/10.3390/educsci13101042>
- Muid, A., Jufri, S., & Hasani, S. (2023). The Impact of Jambi Malay Interference on Arabic Language Students in Indonesia. *Al-Ta Rib Jurnal Ilmiah Program Studi Pendidikan Bahasa Arab IAIN Palangka Raya*, 11(2), 155–166. <https://doi.org/10.23971/altarib.v11i2.7096>
- Muslimin, M., Hamid, M. A., Bahrudin, U., & Sahid, M. M. (2021). An Errors Analysis of Arabic Phoneme in Non-Arabic Speaking Students at Junior High School. *Izdihar Journal of Arabic Language Teaching Linguistics and Literature*, 4(2), 225–242. <https://doi.org/10.22219/jiz.v4i2.16230>
- Nurchayati, A. D., & Holilulloh, A. (2026). Tinjauan Literatur Sistematis: Interferensi Fonetik Arab dalam Bahasa Lain. *Stilistika Jurnal Pendidikan Bahasa Dan Sastra*, 19(1), 135
- Radzi, M. P., Hamid, S. A., Hamid, S. A., & Malaysia, P. K. B., Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia,. (2022). Modelling of Arabic Plosive and Fricative Acoustic Characteristics Articulated by Malay Native Speakers. *Global Journal Al-Thaqafah*, 12(2), 104–117. <https://doi.org/10.7187/gjat122022-7>
- Rahman, M. T., Man, S., Daoh, M., Hussin, M. N., Zainuddin, A. A., Hasan, Y., Latif, K. A. Ab., & Zulkefli, Z. S. (2025). The Need For An Arabic-Learning Environment Model At The Primary, Secondary And Higher Education Levels. *International Journal of Modern Education*, 7(26), 1195–1209. <https://doi.org/10.35631/ijmoe.726078>
- Solehudin, M., & Arisandi, Y. (2024). Language Interference in Arabic Learning: A Case Study of Islamic Boarding Schools in Indonesia. *Al-Ta Rib Jurnal Ilmiah Program Studi Pendidikan Bahasa Arab IAIN Palangka Raya*, 12(2), 423–438. <https://doi.org/10.23971/altarib.v12i2.9170>

- Subhi, M. R., & Mursidin, M. (2026). Pronunciation Error Analysis of Halq Phonemes: Case Study in Mawa'idzunnisyan Islamic Boarding School. *Abjadia International Journal of Education*, 11(1), 170–179. <https://doi.org/10.18860/abj.v11i1.39872>
- Suib, N. S. M., & Baharudin, H. (2025). Effective Strategies for Teaching Arabic Prosody in Oral Communication Skills. <https://doi.org/10.48161/qaj.v5n1a855>
- Tawfik, A. M. Z. (2024). Mistakes in Learning Arabic as a Second Language: Linguistic Analysis and Correction Methods.